

22 AUG 2000

Mahathir-Said/I

PERKONGSIAN BIJAK KINI LEBIH DIFAHAMI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mohd Arshi Daud

MAPUTO, (Mozambique), 22 Ogos (Bernama) -- Konsep perkongsian bijak yang dipelopori oleh Malaysia kini lebih difahami berdasarkan perbincangan pada SAID 2000 berbanding beberapa dialog sebelum ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata para pemimpin selatan Afrika yang menghadiri SAID 2000 (Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 2000) kini bukan sekadar bercakap tentang subjek perkongsian bijak tetapi membincangkan tentang usaha perkongsian bijak masing-masing dan projek kerjasama di kalangan negara-negara selatan Afrika.

Perdana Menteri berkata demikian kepada wartawan Malaysia setelah menghadiri SAID 2000 selama empat hari. Beliau kemudian berlepas ke London untuk sidang kemuncak mini Suruhanjaya Penyelarasan Selatan yang berlangsung esok dan lusa.

"Saya ingat mereka lebih faham dan menghargai bahawa inilah cara lebih baik untuk mencapai sesuatu daripada perbalahan melibatkan sektor perniagaan, kesatuan sekerja dan kerajaan," kata Dr Mahathir.

Sambil memerhatikan bahawa terdapat perubahan sikap di kalangan pemimpin-pemimpin itu, Dr Mahathir berkata mereka kini kurang bercakap tentang politik sebaliknya lebih berminat tentang usaha perkongsian bijak untuk pembangunan ekonomi dan cara meningkatkan taraf hidup rakyat mereka.

"Terdapat hubungan semakin rapat dan keazaman yang lebih untuk berkerjasama di kalangan pemimpin-pemimpin," katanya.

Topik-topik yang dibincangkan juga lebih luas tetapi tumpuan kali ini ialah tentang bagaimana pelancongan boleh membantu negara-negara selatan Afrika memantapkan kedudukan ekonomi mereka, kta Perdana Menteri.

SAID 2000 dihadiri perwakilan terdiri pemimpin-pemimpin serta ahli-ahli perniagaan, wakil kesatuan sekerja dan akademik serta wartawan dari Afrika, Malaysia, Eropah dan Asia Barat.

SAID menyerupai Dialog Antarabangsa Langkawi. SAID yang pertama berlangsung di Kasane, Botswana pada 1997 diikuti Swakopmund, Namibia pada 1998 dan Victoria Falls, Zimbabwe tahun lepas.

Dr Mahathir juga berkata teguran beliau terhadap proses globalisasi diakui oleh pemimpin-pemimpin selatan Afrika tetapi tidak ramai di antara mereka yang berupaya meluahkannya.

Ini kerana mereka bergantung kepada pinjaman daripada Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa dan menerima bantuan daripada negara-negara Barat.

Kepada soalan seorang wartawan Afrika -- satu-satunya pemberita bukan dari Malaysia yang dibenarkan hadir pada sidang media itu -- Dr Mahathir berkata satu pengalaman yang Malaysia boleh kongsi dengan rakan-rakannya dari selatan Afrika daripada krisis kewangan tidak lama dulu, ialah dunia ini tidak begitu mesra.

"Negara-negara lemah tertakluk kepada serangan ekonomi oleh negara-negara kaya kerana mereka mahu menambah kekayaan mereka dengan menjadikan yang miskin sebagai mangsa," katanya.

Oleh itu, negara-negara membangun perlu bergantung antara satu sama lain sebab agensi-agensi antarabangsa tidak boleh diharapkan untuk membantu kerana mereka merupakan alat negara-negara kaya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata negara-negara selatan Afrika boleh menggunakan pengalaman Malaysia dalam menangani krisis kewangan itu untuk membuat persiapan dan mengelak daripada terperangkap dalam keadaan serupa.

Malaysia telah menyalahkan penyangak mata wang sebagai punca krisis itu.

Ketika ditanya oleh wartawan Afrika itu sama ada Malaysia akan mendesak kumpulan lapan negara maju (G8) untuk mengambil kira kepentingan

negara-negara membangun dalam sebarang keputusan mereka, Dr Mahathir berkata G8 merupakan satu kelab eksklusif.

"Mereka enggan mendengar. Mungkin Jepun dan Perancis sanggup mendengar tetapi yang lain tidak," katanya.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata beliau yakin kerjasama ekonomi antara Asia dan Afrika akan meningkat terutamanya kerana Jepun memberi jaminan untuk bekerjasama dengan Malaysia untuk membantu negara-negara Afrika.

Katanya Malaysia telah meminta Jepun membiayai kos melatih rakyat Afrika dalam pelbagai bidang.

Dr Mahathir berkata bahawa satu pengajaran yang dapat diperolehi daripada hakikat bahawa sudah 10 tahun berlalu dan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) belum diwujudkan ialah perlu ada kesabaran dan seseorang itu tidak harus berputus asa.

"Lambat laun ia akan berlaku, mungkin dalam bentuk lain atau nama lain," katanya.

-- BERNAMA

MAD MAI